From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENSYARAH SEFB DILANTIK SEBAGAI PROFESOR ADJUNG DI UNIVERSITAS AIRLANGGA
Date: Monday, 7 September, 2026 8:36:47 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

7 SEPTEMBER 2026 / 25 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Prof. Madya Dr. Abd Halim @ Hamilton Ahmad

PENSYARAH SEFB DILANTIK SEBAGAI PROFESOR ADJUNG DI UNIVERSITAS AIRLANGGA



UUM ONLINE: Surabaya – Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan jaringan akademik antarabangsa apabila pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Prof. Madya Dr. Abd Halim @ Hamilton Ahmad dilantik sebagai Profesor Adjung di Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia.

UNAIR merupakan antara universiti terkemuka di Indonesia dan berada di kedudukan 276 dunia dalam QS World University Rankings 2027, selain menduduki tempat ketiga dalam kalangan universiti terbaik di Indonesia.

Pelantikan itu bukan sahaja mencerminkan pengiktirafan terhadap kepakaran akademik beliau, malah membuka ruang lebih luas kepada kerjasama antara UUM dan UNAIR dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penerbitan serta pembangunan jaringan akademik antarabangsa.

Sebagai sebahagian daripada pengisian akademik di UNAIR, beliau menyampaikan dua syarahan kepada pelajar pascasiswazah yang memberi tumpuan kepada bidang kewangan serta pembangunan keupayaan penyelidikan dan penerbitan ilmiah.

Syarahan pertama bertajuk *"Capital Asset Pricing Model"* membincangkan perkembangan model tersebut daripada teori portfolio kepada penentuan pulangan jangkaan dalam keseimbangan pasaran.



Dalam sesi berkenaan, beliau menjelaskan kepentingan *Capital Asset Pricing Model* (CAPM) sebagai antara kerangka asas dalam bidang kewangan yang masih digunakan secara meluas dalam penilaian pelaburan, pengurusan portfolio dan penyelidikan empirikal.

Sesi tersebut turut membawa pelajar memahami hubungan antara risiko sistematik dan pulangan, selain menilai secara kritikal andaian, bukti empirikal serta keterbatasan CAPM dalam aplikasi kewangan sebenar.

Menurutnya, pemahaman terhadap teori kewangan perlu bergerak melangkaui penguasaan formula semata-mata kepada keupayaan menggunakan sesuatu model untuk memahami dan membuat keputusan dalam situasi sebenar.

"Pelajar pascasiswazah perlu melihat teori bukan sekadar sebagai sesuatu yang perlu dihafal, tetapi sebagai kerangka untuk memahami masalah, menilai bukti dan seterusnya membuat keputusan yang lebih baik," katanya.

Beliau turut menyampaikan syarahan bertajuk *"Writing & Publication Strategy in International Journals"* yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai proses menterjemahkan sesuatu idea penyelidikan kepada artikel ilmiah yang berpotensi diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.



Syarahan tersebut merangkumi aspek pembinaan hujah akademik, penentuan sumbangan kajian, pemilihan jurnal yang sesuai, proses penilaian oleh editor dan pewasit, penyediaan respons terhadap komen pewasit serta strategi meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan.

Beliau menekankan bahawa kejayaan menerbitkan artikel dalam jurnal antarabangsa tidak hanya bergantung kepada kekuatan analisis, sebaliknya turut memerlukan keselarasan antara persoalan penyelidikan, sumbangan kepada literatur, kekuatan bukti serta kesesuaian artikel dengan skop dan kelompok pembaca jurnal yang disasarkan.

Menurutnya, pelantikan sebagai profesor adjung turut menyediakan platform yang lebih tersusun untuk kedua-dua universiti memperluaskan kerjasama akademik melangkaui aktiviti penyampaian kuliah.

“Pelantikan ini memberi peluang untuk kita membina hubungan akademik yang lebih berterusan antara UUM dan Universitas Airlangga, khususnya menerusi penyelidikan bersama, penerbitan, perkongsian kepakaran serta aktiviti akademik yang melibatkan pelajar dan pensyarah kedua-dua institusi.

“Jaringan antarabangsa akan menjadi lebih bermakna apabila ia dapat diterjemahkan kepada aktiviti dan hasil akademik yang memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak,” katanya.

Dalam program sama, Prof. Madya Dr. Siti Nurazira Mohd Daud dari SEFB turut menyampaikan syarahan kepada pelajar sarjana muda bertajuk *“Navigating ASEAN’s Demographic Transition: Economic Challenges and Islamic Finance Solutions for an Ageing Society”*.



Syarahan tersebut membincangkan perubahan struktur demografi yang sedang berlaku di negara-negara ASEAN, khususnya peralihan ke arah masyarakat menua serta implikasinya terhadap pertumbuhan ekonomi, pasaran buruh, sistem penjagaan kesihatan dan kesejahteraan isi rumah.

Kedua-dua ahli akademik SEFB itu turut mengadakan perbincangan bersama Prof. Iman Harymawan yang mengetuai Center for Environmental, Social and Governance Studies (CESGS) di Universitas Airlangga.

Pertemuan tersebut memberi ruang kepada kedua-dua pihak meneroka peluang kerjasama akademik dan penyelidikan, termasuk potensi pembangunan projek penyelidikan bersama serta jaringan kepakaran antara UUM dan UNAIR.

Penglibatan ahli akademik UUM di UNAIR turut memberi peluang kepada pelajar universiti berkenaan mendapatkan perspektif akademik dari Malaysia, di samping mewujudkan ruang pertukaran pandangan mengenai perkembangan semasa dalam bidang kewangan, ekonomi, penyelidikan dan penerbitan ilmiah dalam konteks serantau.

Pelantikan Dr. Abd Halim sebagai Profesor Adjung, disertai penglibatan akademik pensyarah SEFB di UNAIR, sekali gus memperkukuhkan hubungan institusi antara UUM dan Universitas Airlangga serta menyokong usaha universiti memperluaskan keterlihatan, jaringan dan impak akademik di peringkat antarabangsa.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.